

STILT KEPAK HITAM
Black-winged Stilt

FAMILI: Recurvirostridae
NAMA SAINTIFIK: *Himantopus himantopus*

CIRI-CIRI

Spesies ini mudah dikenali melalui paruhnya yang kelihatan seperti jarum yang berwarna hitam dan kaki yang panjang dan berwarna merah jambu. Keseluruhan bulu berwarna putih kecuali bahagian atas kepala dan belakang tengkuk yang berwarna kelabu serta kepek dan bahagian belikat yang berwarna hitam. Semasa musim pembiakan, keseluruhan kepala burung jantan akan berubah kepada warna putih manakala bagi burung betina, bahagian belikat akan berubah menjadi lebih coklat berbanding burung jantan. Saiz keseluruhan bagi individu dewasa boleh mencapai antara 35 sm-40 sm.

MAKANAN

Spesies ini memakan serangga, krustasia kecil, moluska dan lain-lain invertebrata akuatik serta ikan.

HABITAT

Spesies ini biasa ditemui di pinggir kawasan tanah lembap yang terbuka, kematu garam, kolam di kawasan pantai dan sungai di kawasan tanah rendah.

BUNYI

Ia biasanya mengeluarkan bunyi dari rongga hidung yang tajam *kek* dan *ke-yak*. Selain itu, ia juga mengeluarkan bunyi bernada tinggi yang senada *kik-kik-kik-kik...* bila ia merasa terancam.

PEMBIAKAN

Spesies ini merupakan spesies yang hidup secara berkelompok. Musim pembiakan bagi spesies ini adalah antara bulan Mei hingga Ogos dan pembiakannya adalah secara separa koloni. Sarangnya dibina di atas tanah dan biasanya mengandungi 3-5 biji telur yang berwarna kusam dengan tompok hitam.